



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 31 MAC 2022**


BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI JAMIN BEKALAN DAGING MENCUKUPI RAMADHAN, SYAWAL INI, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	BEKALAN DAGING MENCUKUPI UNTUK RAMADHAN, SYAWAL - MAFI, BH -ONLINE	
3.	MAFI PANTAU PERUBAHAN CUACA PANAS, HM -ONLINE	
4.	MAFI MAHU TEROKA POTENSI PENANAMAN JAGUNG, KOSMO -ONLINE	
5.	MAFI TEROKA POTENSI PENANAMAN JAGUNG, NEGARA, KOSMO -5	
6.	FOKUS TANAMAN JAGUNG BERSKALA BESAR ELAK KEBERGANTUNGAN KEPADA IMPORT, LOKAL, HM -24	
7.	TERUSKAN LEGASI KELUARGA, LOKAL, HM -24	
8.	'SUFFICIENT LIVESTOCK SUPPLY FOR RAMADHAN AND HARI RAYA, NATION/NEWS, NST -7	
9.	TANGKAP SIPUT RETAK SERIBU, LOKAL, HM -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	SEDIA SALUR INFO KE JABATAN PERIKANAN, LOKAL, HM -26	
11.	LIMA TEKAD NAFAS JADI FOKUS MENUJU 2030, SH -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12.	LIMA TEKAD NAFAS MENUJU 2030, NASIONAL, SH -22	
13.	NAFAS PLANS ON RIGHT TRACK: MINISTER, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2	
14.	LIMA TEKAD NAFAS, LOKAL, HM -16	
15.	PAKEJ MEKANISASI HASIL KUBIS BERKUALITI, UM -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
16.	50 TAHUN KADA UTUH BERSAMA PETANI, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
17.	TAK MAHU TAGIH SIMPATI WALAUPUN SERBA KEKURANGAN, LOKAL, HM -18	AGROBANK
18.	PJKM PARLIMEN MUKAH SIRI KE-3 DI PARKIR PASAR RAYA GAFU HARI INI, ESOK, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LAIN-LAIN
19.	MALAYSIA FAMILY SALES PROGRAMME EXTENDED UNTIL JUNE, THE MALAYSIAN RESERVE -ONLINE	
20.	PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA DILANJUTKAN SEHINGGA JUN, BH -ONLINE	
21.	TAMAN AGRO SUNGAI BAJI POTENSI JADI HUB MAKANAN, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -15	
22.	PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA DILANJUTKAN SEHINGGA JUN, NASIONAL, SH -6	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>31/3/2022</b>	<b>BERNAMA</b>	<b>ONLINE</b>	

## MAFI jamin bekalan daging mencukupi Ramadan, Syawal ini



KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan daging mencukupi pada Ramadan dan Syawal ini, kata Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata bekalan daging tidak terjejas walaupun negara perlu bergantung kepada daging import iaitu 70 peratus kerana pengeluaran daging tempatan atau tahap sara diri (SSL) industri itu hanya sekitar 21 peratus.

"Kita banyak mengimport (daging) antaranya dari India, Pakistan, Australia dan setakat ini pengimportannya adalah stabil, tiada gangguan."

"Kita di kementerian akan sentiasa memastau untuk memastikan bekalan daging mencukupi bukan sahaja ketika perayaan tetapi juga bekalan harian," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Jubli Emas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan mengambil langkah intervensi jangka pendek menerusi pemberian subsidi kepada penternak bagi meningkatkan pengeluaran telur dan ayam.

Ditanya mengenai perkembangan bagi penyelesaian tempoh Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang dihadapi usahawan tani, beliau berkata kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh lesen itu.

"Ada isu dan cadangan dikemukakan mengenai pajakan tanah di beberapa negeri yang menyatakan tempoh pajakan itu terlalu singkat (iaitu) tiga tahun untuk bangunkan Industri agromakanan secara besar-besaran.

"Dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang lepas, MAFI diminta untuk mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan kita sedang lakukan (perbincangan)," katanya.

Beliau berkata kementerian dan pengurusan tertinggi kerajaan juga akan meneliti cadangan penggiat industri untuk menilai dan memanjangkan tempoh lesen sedia ada bagi meningkatkan pembangunan industri agromakanan.

Pada 24 Mac lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata hasil mesyuarat EAC, kerajaan bersetuju agar MAFI berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh TOL yang dihadapi usahawan tani.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>31/3/2022</b>	<b>BERITA HARIAN</b>	<b>ONLINE</b>	

## Bekalan daging mencukupi untuk Ramadan, Syawal – MAFI



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan daging mencukupi pada Ramadan dan Syawal ini, kata Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, bekalan daging tidak terjejas walaupun negara perlu bergantung kepada daging import iaitu 70 peratus kerana pengeluaran daging tempatan atau tahap sara diri (SSL) industri itu hanya sekitar 21 peratus.

"Kita banyak mengimport (daging) antaranya dari India, Pakistan, Australia dan setakat ini pengimportannya adalah stabil, tiada gangguan."

"Kita di kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan bekalan daging mencukupi bukan saja ketika perayaan, tetapi juga bekalan harian," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Jubli Emas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan mengambil langkah intervensi jangka pendek menerusi pemberian subsidi kepada penternak bagi meningkatkan pengeluaran telur dan ayam.

Ditanya mengenai perkembangan bagi penyelesaian tempoh Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang dihadapi usahawan tani, beliau berkata, kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh lesen itu.

"Ada isu dan cadangan dikemukakan mengenai pajakan tanah di beberapa negeri yang menyatakan tempoh pajakan itu terlalu singkat (iaitu) tiga tahun untuk bangunkan industri agro makanan secara besar-besaran."

"Dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang lalu, MAFI diminta untuk mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan kita sedang lakukan (perbincangan)," katanya.

Beliau berkata, kementerian dan pengurusan tertinggi kerajaan juga akan meneliti cadangan penggiat industri untuk menilai dan memanjangkan tempoh lesen sedia ada bagi meningkatkan pembangunan industri agro makanan.

Pada 24 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata, hasil mesyuarat EAC, kerajaan bersetuju MAFI berbincang dengan kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh TOL yang dihadapi usahawan tani. – BERNAMA



Ronald Kiandee (empat, kanan) melawat pameran selepas Majlis Pelancaran Jubli Emas NAFAS di sini, hari ini. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kanan) dan Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob (tiga, kanan). - Foto BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## MAFI pantau perubahan cuaca panas



Petaling Jaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memantau secara serius fenomena cuaca panas yang sedang melanda negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia termasuk untuk bersedia mengambil langkah perlu bagi meminimumkan kesan terhadap pengeluaran bahan makanan.

Beliau berkata, perubahan iklim adalah antara cabaran dihadapi sektor agromakanan.

"Banjir, kemarau, ketidaktentuan cuaca hujan dan panas adalah perkara yang memberi kesan kepada sektor agromakanan negara.

"Akhir tahun lalu kita berhadapan dengan banjir yang memusnahkan sektor penanaman seperti padi selain tanaman lain dan ternakan.

"Kita sudah mengambil langkah mitigasi untuk mengurangkan kesan akibat bencana. Ini termasuk pemberian pelbagai bantuan dan kewangan untuk pengusaha berupaya memulakan semula perusahaan mereka," katanya dalam sidang media selepas melancarkan majlis Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di ibu pejabat pertubuhan itu di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Mafi I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Mafi II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Pengurus Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Ronald mengulas kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) bahawa cuaca panas sekarang dijangka berlanjutan hingga Mei ini.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Muhammad Helmi Abdullah dilaporkan berkata, cuaca panas dijangka akan mula reda menjelang Jun nanti.

Muhammad Helmi berkata, ketika ini, fenomena La Nina sederhana sedang berlaku dan suhu di seluruh negara masih dalam keadaan normal.

"Suhu maksimum yang direkod di Stesen Meteorologi Chuping sejak seminggu lalu ialah sekitar 34 darjah Celsius hingga 35 darjah Celsius.

"Bagaimanapun suhu maksimum di Lembah Klang adalah sedikit lebih tinggi iaitu di antara 35 darjah Celsius hingga 36 darjah Celsius.

"Berdasarkan rekod, didapati suhu maksimum sedikit lebih tinggi di kawasan Lembah Klang dan pedalaman Pahang. Namun tiada suhu melampau yang dicatat dalam tempoh seminggu ini," katanya memetik laporan portal MyMetro hari ini.



DATUK Seri Dr Ronald Kiandee menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun



**RONALD** (kiri) bersama Zamri (kanan) ketika merasmikan Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di Kuala Lumpur semalam.

Bekalan daging dijamin cukup pada Ramadan .

## MAFI teroka potensi penanaman jagung

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu meneroka potensi penanaman jagung secara komersial sebagai persediaan memastikan bekalan makanan negara terus mencukupi.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, hasrat mewujudkan industri jagung merupakan satu pendekatan baharu bakal diambil kerajaan selepas melihat kebergantungan besar terhadap bahan makanan itu.

"Kita lihat kebergantungan negara terhadap jagung begitu besar, kita ada kapasiti untuk penanaman jagung dan perlu gerakkan dasar dan insentif untuk membangunkannya.

"Konflik yang berlaku di luar sana seperti Covid-19 menga-

jar kita untuk mencukupkan bekalan makanan negara kerana jagung begitu penting bagi industri penternakan," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di sini semalam.

Turut hadir, Pengurus Jemaah Pengarrah Nafas, Datuk Zamri Yaacob dan Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Katanya, kerajaan turut bertekad untuk terus memberi perhatian kepada industri penanaman jagung pada masa akan datang berikutan kurang memberi tumpuan kepada bahan makanan itu sebelum ini.

"Pihak swasta turut memberi reaksi positif terhadap hasrat ini selain beberapa syarikat bakal terlibat sedang dalam perbincangan

bersama kementerian," katanya.

Dalam pada itu, Ronald turut meminta Nafas untuk memainkan peranan penting bagi mendokong aspirasi sekuriti makanan negara sekaligus memperkuuhkan sektor agro makanan secara keseluruhannya.

Berhubung isu berbeza, beliau berkata, MAFI memberi jaminan bekalan daging mencukupi pada Ramadan dan Syawal ini.

"Bekalan daging tidak terjejas walaupun negara perlu bergantung kepada daging import iaitu 70 peratus kerana pengeluaran daging tempatan atau tahap sara diri (SSL) industri itu hanya sekitar 21 peratus.

"Kita banyak import (daging) antaranya dari India, Pakistan, Australia dan setakat ini pengimporannya adalah stabil, tiada gangguan," tambahnya.

Bernama

Putrajaya

**T**erpanggil untuk merusakkan legasi keluarga mengusaha kan tanaman padi bario, Dayang Nalin@Dayang Ulun sanggup meninggalkan pekerjaan di sektor swasta untuk menjadi petani sepenuh masa mengusahaan sawah seluas 1.21 hektar di Bario, Sarawak.

Wanita berketurunan Kelabit berusia 58 tahun itu kembali ke Bario pada 2008 untuk mengusahaan tanaman padi bario secara serius bersama keluarganya.

"Ibu bapa saya adalah antara pengusaha padi bario sejak 1960-an lagi dan sebagai anak sulung daripada lima adik-beradik, saya berasa terpanggil untuk merusakkan usaha mereka supaya tidak menjadi sia-sia," katanya.

Dayang Nalin adalah antara 2,361 penerima sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) pada majlis apresiasi pensijilan myGAP bagi pengusaha subsektor tanaman bagi 2021 di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) di sini semalam.

MyGAP adalah skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, akuakultur dan ternakan antara lain memfokuskan kepada keselamatan makanan dan pengurusan alam sekitar terbaik.

Dayang Nalin yang juga pengurus syarikat Dinalin Bario Highlands Ecofarm berkata antara keistimewaan padi Bario ialah teksturnya yang halus selain kandungan karbohidrat

# Teruskan legasi keluarga

*Wanita Kelabit sanggup pulang ke Bario jadi petani usahakan tanaman padi*



**Muslim menuai adalah antara pertengahan Disember hingga Februari dan padi perlu dituai secara berterusan kerana musim hujan akan bermula pada Mac."**

Dayang Nalin

yang rendah menyebabkan beras itu semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat termasuk di Se- menanjung Malaysia.

Beliau berkata harga beras berkenaan boleh mencapai RM16 sekilogram di Bario dan namun harganya lebih tinggi di pasaran akibat pelbagai faktor termasuk jenis beras yang dihasilkan seperti beras Adan Bario yang halus yang se-suai dijadikan sebagai makanan harian.

Menurut Dayang Nalin yang turut dibantu suaminya, ramai anak muda Bario yang turut membantu suaminya, ramai anak muda Bario


mula 'balik kampung' dan menunjukkan minat untuk mengusahaan tanaman padi Bario.

"Tabur ini juga Jabatan Pertanian Sarawak mencari jalan supaya ramai orang akan mengusahaan kembali sawah-sawah terbiar. Ia mendorong orang di kampung untuk turut serta dalam bidang tanaman ini," kata ibu dua anak itu yang sering kali merujuk kepada jabatan itu bagi bimbangkan amalan pertanian baik.

Dayang Nalin berkata hasil tujuan boleh mencapai tiga tan pada satu-satu masa dan beliau mengupayakan kerja kontrak bagi kerja pernianan padi dan proses pengeeringan.

"Muslim menuai adalah antara pertengahan Disember hingga Februari dan padi perlu dituai secara berterusan kerana musim hujan akan bermula pada Mac," katanya yang masih menggunakan teknik pengeeringan padi secara tradisional.

Selain tanaman padi Bario, Dayang Nalin juga me-



DAYANG Nalin kembali ke Bario pada 2008 untuk mengusahaan tanaman padi bario secara serius bersama keluarganya.

ngusahaan tanaman na-  
nas Morris dengan hasil la-  
dang sebanyak 200 hingga  
300 kilogram sebulan.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah yang me-nyampaikan sijil kepada pen-  
enerima sijil myGAP dan 34

penerima Skim Pensijilan Organik (myOrganic) ber-  
kata pensijilan akan men-

bolehkan satu daripada objektif di bawah Dasar Ag-  
romakan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) terca-  
pal dalam menambah baik keselamatan dan nutrisi makanan rakyat.

"Pengeluaran produk pertanian yang segar, ber-  
kualiti dan selamat dima-  
kan di keseluruhan rantau-  
ni nilai makanan memberi  
impak kepada kesejahteraan

raan dan kesihatan rakyat,"  
katanya ketika berucap me-  
rasmikan majlis apresiasi berkenaan.

Berdasarkan rekor jabatan Pertanian sejak 2002 hingga kini, sebanyak 9,453 ladang di bawah subsektor tanaman telah menerima pensijilan myGAP manaka-  
la 294 ladang telah mene-  
rima pensijilan myOrga-  
nic.

## Fokus tanaman jagung berskala besar elak kebergantungan kepada import

**Petaling Jaya:** Tanaman jagung berskala besar menjadi antara fokus Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) untuk mengekalkan kebergantungan import.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jagung juga adalah komponen penting dalam industri ternakan sebagai bahan makanan.

Katanya, negara mempunyai kapasiti luas untuk mengeluarkan jagung tetapi perhatian terhadapnya terlalu kurang diberikan.

"Ketika ini kebergantungan import bahan itu sangat besar dan pendekatan terhadap tanaman jagung mempunyai kapasiti untuk

dilaksanakan secara domes-  
tik."

"Sebab itu kita perlu ada olahan dasar dan apabila bercakap mengenai, insentif dan juga galakan perlu dibuat kerajaan bagi membangunkan penanaman jagung secara besar-besaran.

"Kita tak boleh biarkan konflik yang berlaku di luar negara mengganggu (bekalan). Selain itu pandemik Covid-19 mengajar kita untuk bersiap diri mencukupkan bekalan (makanan) dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melancarkan majlis Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaaan (Na-

fas) di ibu pejabat pertu-  
buhan itu di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Mafi I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Mafi II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Pengerusi Je-  
maah Pengarah Nafas, Da-  
tuk Zamri Yaacob.

Ronald berkata, kerajaan kini memberi lebih perhatian supaya pihak swasta terbabit sama dalam merancakkan penanaman konsep baharu atau pendekatan baharu dalam mengeluarkan jagung tempatan.

"Kita mengadakan perbin-  
cangan dengan beberapa pi-  
hak swasta yang mahu ter-  
babit dalam industri ini. Ke-  
tika ini sambutan terhadap-

nya amat positif," katanya.  
Terdahulu dalam ucapan-nya, Ronald memberitahu bahawa jualan tanaman ba-  
gi satu tan jagung adalah sebanyak RM1,000.

Selain itu, katanya, beberapa langkah intervensi jangka pendek diambil bagi memastikan bekalan ayam mencukupi seperti subsidi diberikan kerajaan kepada peternak dan pengeluar te-  
lah untuk memastikan be-  
kalan stabil.

Menurutnya, kerajaan mengambil serius dan memerhati secara dekat bukan sahaja kepada bekalan da-  
ging, ayam dan telur tetapi semua bahan makanan un-  
tuk kegunaan rakyat Ma-  
laysia.

**NATIONAL FOOD SECURITY**

# 'Sufficient livestock supply for Ramadan and Hari Raya'

**PETALING JAYA:** The supply of livestock is sufficient to meet the demands for the fasting month and Hari Raya Aidilfitri.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, however, said the self-sufficiency level for livestock was still low.

He said the country was dependent on imports of more than 70 per cent of beef supply to meet domestic needs.

"There has been no supply disruption for imported meat from India, Pakistan and Australia.

"The ministry will continue to monitor the situation to ensure adequate meat supply not only during the festive season, but also for the country's daily supply."

Kiandee said this after the launch of National Farmers' Organisation's 50th Golden Jubilee celebration at its headquarters here yesterday.

He said several short-term measures had been taken by the government to ensure adequate and stable chicken supply, including providing subsidies to breeders and egg producers.

"The government takes the issue of national food security se-

riously and will continue to ensure that the food supply is adequate."

On the persistent hot weather forecast as reported by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) until June, Kiandee said his ministry was monitoring the situation as it could affect crops in the country.

He said the ministry would take necessary measures to mitigate harsh weather impacts on food production.

"Floods, droughts, unpredictable rains and persistent hot weather are some of the elements that affect the agro-food sector.

"Late last year, we faced floods that destroyed the agriculture sector, including rice, other crops and livestock.

"We have taken mitigation measures to minimise the impact such as providing assistance and financial aid to entrepreneurs to enable them to restart their enterprises."

On Tuesday, MetMalaysia reported that the maximum temperature was slightly higher in the Klang Valley and the interior of Pahang.



Datuk Seri Dr  
Ronald Kiandee

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my

### Kanpar

**A**genensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis menahan lima nelayan termasuk dua tekong di dua lokasi berbeza di sekitar perairan Kuala Perlis kerana disyaki menangkap siput retak seribu secara haram, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, pihaknya kerap menerima maklumat orang ramai berkaitan aktiviti penangkapan siput jenis retak seribu yang diharamkan di perairan Perlis.

"Tangkapan dibuat dalam dua bot fiber tanpa nombor dilakukan pada 5.51 petang dan 5.53 petang pada kedudukan kira-kira 1.7 dan 2.6 batu nautika dari barat daya muara Kuala Perlis.

"Sebaik menerima maklumat, sebuah bot peronda APMM yang sedang melakukan rondaan rutin Op Aman diatur gerak ke lokasi bagi membuat pemeriksaan sebelum menahan bot terbabit.

"Pemeriksaan ke atas kedua-dua bot terbabit menemui satu set sangkar besi berupa tangguk siput serta hasil laut jenis siput retak seribu seberat 55 kilogram dianggarkan bermilai keseluruhan rampasan termasuk bot, enjin, sangkar besi dan siput retak seribu sekitar RM16,966," katanya da-

# Tangkap siput retak seribu

*APMM tahan lima nelayan termasuk dua tekong*



ANTARA yang ditahan menjalankan kegiatan penangkapan siput retak seribu secara haram di perairan Kuala Perlis. - Gambar IHSAN APMM ZON MARITIM KUALA PERLIS

lam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, nelayan terbabit menggunakan bot fiber dengan enjin sangkut bergalah (ekor biawak) dan apabila menyedari kegiatan mereka dikesan serta diejek pihak berkuasa laut, suspek memotong tali sangkar siput dan membuangnya ke laut bagi mengelakkan ditahan.

Menurutnya, semua yang ditahan adalah nelayan tempatan berusia antara 15 hingga 50 tahun dan berpangkalan di Kuala Perlis sebelum semua rampasan dibawa ke jeti APMM Zon Maritim Kuala Perlis.

"Mereka disiasat mengikut Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana mengendalikan bot tanpa lesen sah.

"Selain itu, mereka didapati melanggar Seksyen 11 (3) (c) kerana memasang atau menyebabkan dipasang apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti mengumpul ikan tanpa kebenaran beruloi daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia sebelum suatu lesen berkenaan dengannya dikeluarkan," katanya.

## Sedia salur info ke Jabatan Perikanan

**Masjid Tanah:** "Kami tidak mahu sungai tempat mencari rezeki ini dituba dan mahu ia kekal sebagai tempat pembiakan ikan dan udang galah.

"Jika ada sesiapa membuang atau menangkap ikan dan udang dengan cara salah, kami sedia menyalurkan maklumat kepada Jabatan Perikanan," kata Sukarelawan Perikanan Darat, Mau-lud Idris, 60.

Dia berkata, Sungai Rembau, Sungai Ramuan Cina dan Kuala Linggi, di Lubuk Cina dekat sini adalah antara sungai utama nelayan darat mencari rezeki sejak turun-temurun.

"Nelayan sungai di Pangkalan Nelayan Ramuan Cina Kecil, Paya Lebar, Tebing Utut dan Telok Berembang tidak terbabit dalam kerja menangkap ikan dan udang menggunakan tuba dan secering menasihati kaki panjang yang datang dari luar.

"Kami beritahu mereka



MAULUD (tengah) berbual dengan Mohd Fauzi di Pangkalan Nelayan Kampung Ramuan Cina Kecil, Masjid Tanah. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR



PANGKALAN Nelayan Kampung Ramuan Cina Kecil, Masjid Tanah.

supaya memancing atau menjaring dengan betul dan bukannya membuang racun tuba ke dalam sungai se mata-mata untuk meraih keuntungan jangka pendek," katanya.

Dia berkata demikian selepas majlis pelancaran Sukarelawan Perikanan Darat di Pangkalan Nelayan Kampung Ramuan Cina Kecil, dekat sini kelmarin.

Majlis itu disempurnakan Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Saleh bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer.

Seramai 20 nelayan darat daerah Alor Gajah dan 10 dari Jasin dipilih menganggotai sukarelawan berkenaan.

Mereka berfungsi menyuruh maklumat kepada jabatan berkenaan jika ada pihak tertentu menangkap ikan dengan menggunakan kaedah dilarang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>31/3/2022</b>	<b>SINAR HARIAN</b>	<b>ONLINE</b>	

## Lima tekad Nafas jadi fokus menuju 2030

DIANA AZIS | 30 Mar 2022



Zamri menyampaikan ucapan pada majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang diadakan di Ibu Pejabat Nafas - Foto Sinar Harian ROSLI TALIB

KUALA LUMPUR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) melancarkan lima tekad sebagai fokus menuju 2030 bagi memastikan agensi itu kekal relevan sebagai pelengkap rantaian Pertubuhan Peladang.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, lima tekad tersebut merangkumi pembangunan industri padi dan beras; pemasaran input baja dan kimia; pemain utama industri ayam; sumber kekayaan baharu dan kemakmuran keluarga peladang.

"Bagi meneruskan momentum kejayaan sejak lima dekad lalu, Nafas di bawah kepimpinan barisan Jemaah Pengarah serta komitmen kumpulan pengurusan mengorak langkah memastikan masa depan yang cemerlang kepada pergerakan Pertubuhan Peladang seluruh negara menerusi penetapan lima tekad sebagai fokus menuju 2030.

"Antara yang menjadi tumpuan adalah pembangunan industri padi dan beras yang mana Nafas kini sedang ke arah pembangunan, pengeluaran serta pengkomersialan benih padi hibrid yang dijangka bermula musim satu 2023 (1/2023).

"Objektif perkembangan program ini adalah bagi memberi alternatif kepada pesawah dengan tawaran benih padi hibrid berbanding benih padi inbred yang dijangka akan meningkatkan hasil tuaian sehingga 50 peratus bagi setiap hektar," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 tahun Nafas pada Rabu.

Majlis tersebut dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.



Dr Ronald menyempurnakan gamik pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaan di Ibu Pejabat Nafas - Foto Sinar Harian ROSLI TALIB

Mengulas lanjut Zamri berkata, penggunaan padi hibrid bakal memasuki pasaran sehingga 30 peratus dari penggunaan benih padi sah negara dengan menyasarkan pesawah seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Selain itu kita telah menjadi antara syarikat peneraju Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang kini mewujudkan rantaiannya menerusi SMART SBB Peladang.

"Pelaksanaan program tersebut secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan pesawah serta hasil padi di samping memperkuatkan kerjasama Pertubuhan Peladang dengan agensi terlibat," ujarnya.

Dalam pada itu Zamri turut memaklumkan, Nafas bakal memperluaskan perniagaan ke pasaran antarabangsa susulan penyertaan di Expo 2020 Dubai, Februari lalu ketika menjadi delegasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Hasil perbincangan bersama beberapa syarikat yang berpangkalan di Dubai, kita ke arah perkembangan positif dan ini merupakan inisiatif pertubuhan dalam memacu dan meningkatkan peluang pelaburan serta kerjasama dalam pertanian lestari," katanya.

## Lima tekad Nafas

**Petaling Jaya:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyenaraikan lima tekad dalam memastikan kekal relevan induk kepada Pertubuhan Peladang sebagai fokus menjelang 2030.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, lima tekad itu merangkumi pembangunan industri padi dan beras, pemasaran input baja dan kimia, pemain utama industri ayam, sumber kekayaan baharu dan kemakmuran keluarga peladang.

Beliau berkata, fokus memperlengkapkan rantai nilai industri padi dan beras adalah dengan mewujudkan ladang benih, pengambilalihan loji benih, pengurusan sawah padi berpusat serta pengilangan beras sebagai satu usaha meningkatkan pengeluaran beras negara.

"Nafas sedang ke arah pembangunan, pengeluaran dan pengkomersialan benih padi hibrid yang dilaksanakan bersama dengan agensi kerajaan berkaitan serta rakan kongsi yang dijangka bermula musim 1/2023.

"Tekad kedua pula adalah memberi fokus kepada penyelidikan dan pembangunan, pengilangan dan pemasaran input baja serta racun sebagai pendapatan baharu Nafas dalam pasaran terbuka.

"Tekad ketiga, fokus melengkapkan rantai nilai ayam bermula daripada makanan ayam, ternakan ayam hingga ke pemprosesan ayam bagi membolehkan Pertubuhan Peladang menjadi pemain utama industri ayam halal untuk keperluan domestik dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis Jubli Emas 50 Tahun NAFAS di ibu pejabat pertubuhan itu di sini, se-

malam.

Majlis itu dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Hadir sama, Timbalan Menteri Mafi I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Mafi II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Zamri berkata, tekad keempat iaitu sumber kekayaan baharu pula memberi fokus kepada sektor pertanian baharu seperti ladang nanas MD2 dan durian Muang King di samping memperluas ladang kelapa sawit milik NAFAS sebagai satu sumber yang menjamin pendapatan.

"Tekad kelima iaitu kemakmuran keluarga peladang memberikan fokus kepada perkongsian kemakmuran Nafas kepada semua peringkat Pertubuhan Peladang melalui sumbangan, bantuan serta pembangunan kerjaya kepada generasi peladang masa depan," katanya.

Sementara itu sehingga kini, katanya, hasil kecekapan dan kepakaran Ahli Jemaah Pengarah serta Pengurusan Nafas sudah berjaya memperkembangkan lagi sektor perniagaan melalui syarikat subsidiari.

"Iaitu enam subsidiari 100 peratus milik Nafas, tiga subsidiari dengan pelaburan melebihi 50 peratus serta 11 anak syarikat bagi subsidiari dan syarikat bersatu," katanya.

Nafas yang diilhamkan Perdana Menteri kedua, Al-lahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan ditubuhkan 31 Mac 1972 kini memayungi hampir satu juta ahli peladang di seluruh negara membabitkan 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), dan 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

## Nafas' plans on right track: Minister

**KUALA LUMPUR:** The National Farmers Organisation's (Nafas) plans are on the right track through its clear 10-year mission and vision ahead of 2030, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the plans, including the development of the paddy and rice industry as well as creation of new wealth resources, had to be carried out carefully to ensure the continuity of activities and the strengthening of farmers' organisations at every level.

"All these need to be done to improve the socio-economic status of the farming community and make it independent, prosperous and progressive.

"It is my hope that the goals, mission and vision of Nafas continue to be strengthened and get the support of all parties in line with the government's aim of ensuring the country's food security at all times, while protecting farmers, breeders and fishermen," he said at the launch of Nafas Golden Jubilee yesterday.

Ronald added that the ministry supported the organisation's idea for the development, production and commercialisation of Nafas hybrid paddy seeds, jointly implemented with relevant government agencies and partner companies.

Ronald said Nafas is an important part of the history of the nation's agricultural industry, and the organisation plays a vital role in improving the living standards and socio-economic status of its nearly one million members.

"As stated by Nafas chairman Datuk Zamri Yaakob, the profits of the organisation are returned to its members, proving that it has never neglected the welfare of its members, comprising 279 area farmers' organisations.

"I am confident that with the continued support and commitment of the ministry, Nafas and industry players, we will be able to elevate the agro-food sector in line with the spirit of Keluarga Malaysia." – Bernama

# Lima tekad Nafas menuju 2030

Memastikan agensi itu kekal relevan sebagai pelengkap rantaian Pertubuhan Peladang

Oleh DIANA AZIS

**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) melancarkan lima teknologi sebagai fokus menuju 2030 bagi memastikan agensi itu kekal relevan sebagai pelengkap rantaian Pertubuhan Peladang.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, lima teknologi tersebut merupakan rangkumi pembangunan industri padi dan beras; pemerasaran input bahan dan kimia; pemain utama industri ayam; sumber kekayaan baharu dan kemandirian kehargaaan peladang.

mana Nafas kini sedang ke arah pembangunan, pengeluaran serta pengkomersialan benih padi hibrid yang dijangka bermula musim sau 2023 (1/2023).

“Objektif perkembangan program ini adalah bagi memberi alternatif kepada pesawahan dengan tawaran benih padi hibrid berbanding benih padi inbred yang dijangka akan meningkatkan hasil tuaian sehingga 50 peratus bagi setiap hektar,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan

KUALA LUMPUR

dengan menyasarkan kan pesawahan seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. “Selain itu kita telah menjadi antara syarikat peneraju Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang kini mewujudkan rantaiannya.

SMART SBB Peladang.

“Pelaksanaan program tersebut secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan pesawahan serta hasil padi di samping memperkuatkukuhkan kerjasama Pertubuhan Peladang dengan agensi terlibat,” ujarnya.

Dalam pada itu Zamri turut memaklumkan, Nafas bakal memperluaskan perniagaan kepada sebaran antarabangsa susulan penyertaan di Expo 2020 Dubai, Februari lalu ketika menjadi delegasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.



Ronald Emas 50th Anniversary Launching Ceremony at a rice field.



ZAMRI

pesawahan dengan tawaran benih padi hibrid berbanding benih padi inbred yang dijangka akan meningkatkan hasil tuaian sehingga 50 peratus bagi setiap hektar,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Nafas pada Rabu.

Majlis dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Mengulas lanjut Zamri berkata, penggunaan padi hibrid bakal memasuki pasaran sehingga 30 peratus dari penggunaan benih padi dan beras yang

negara menerusi penerapan lima teknologi sebagai fokus menuju 2030.

“Antara yang menjadi tumpuan adalah pembangunan industri padi dan beras yang

memenangkan

“Bagi meneruskan momentum kejayaan sejak lima dekad lalu, Nafas mengorak langkah memastikan masa depan yang cemerlang kepada pergerakan Pertubuhan Peladang seluruh

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>31/3/2022</b>	<b>UTUSAN MALAYSIA</b>	<b>ONLINE</b>	

## Pakej mekanisasi hasil kubis berkualiti



DR. Ronald Kiandee (dua dari kanan) dan Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran Pakej Mekanisasi Tanaman Kubis Rendah di Gombak, Selangor, baru-baru ini.

PETALING JAYA: Pakej Mekanisasi Tanaman Kubis Tanah Rendah diperkenal [Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia \(MARDI\)](#) mampu meningkatkan pengeluaran kubis negara dan menjimatkan kos buruh.

Ini kerana tanaman itu tidak lagi hanya ditanam di kawasan sederhana dan tanah tinggi, tetapi di kawasan tanah rendah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pakej mekanisasi ladang bagi pengeluaran kubis tanah rendah itu mampu meningkatkan pengeluaran kubis negara memandangkan aktiviti secara manual memerlukan tenaga pekerja dan kos yang tinggi selain keluasan terhad serta produktiviti rendah.

“Varieti jenis ‘tahan panas’ membolehkan kubis bulat ditanam di kawasan tanah rendah bersuhu tinggi. Ini dapat menjamin bekalan tempatan selain mengurangkan kebergantungan import,” katanya ketika majlis pelancaran Pakej Mekanisasi Tanaman Kubis Rendah di Kundang, Gombak, dekat sini, baru-baru ini.

Bersempena dengan majlis itu, beliau menyampaikan pakej mekanisasi kepada wakil petani dan menyerahkan manual penanaman kubis tanah rendah serta baja organik Biorichar kepada wakil peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Yang hadir sama Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani dan ketua-ketua jabatan serta bahagian kementerian itu.

Sementara itu, MARDI memaklumkan, institut itu akan mengkomersilkan pakej mekanisasi berkenaan di samping menggalakkan petani dan pengusaha yang berminat dengan tanaman kubis.

Menurutnya, mana-mana pengusaha yang berminat, MARDI memberikan bantuan teknikal memandangkan tanaman itu berpotensi tinggi serta memberi pulangan hasil lumayan kerana permintaan yang meningkat dalam negara.

**“Sebelum ini, MARDI membangunkan teknologi tanaman kubis bunga di tanah rendah yang dilancarkan oleh Dr. Ronald pada Oktober 2020.**

**“Teknologi tersebut sememangnya bermanfaat kerana mampu memendekkan tempoh ia boleh dituai iaitu dalam satu hingga dua minggu selain mengurangkan risiko penyakit terhadap tanaman terbabit,” katanya. – UTUSAN**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## 50 tahun KADA utuh bersama petani



Agensi yang berusaha meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosio ekonomi lebih 7,700 golongan petani

Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor (tengah) ditemani Nik Roslan (kanan) melawat ke kawasan sawah padi di kawasan seliaan KADA.

KOTA BHARU - Meniti usia 50 tahun kewujudan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memahat sejarah

penting dalam industri pengeluaran padi negara.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, bertitik tolak kepada usaha meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosio ekonomi lebih 7,700 golongan petani mendorong KADA komited memperjuangkan kemajuan sosial dan ekonomi kumpulan itu terutama di enam jajahan seliaan KADA di Kelantan.

"Walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran, KADA sejak penubuhannya pada 30 Mac 1972 berusaha keras meningkatkan pendapatan golongan petani khususnya dan usahawan industri asas makanan.

"KADA juga berfungsi menjaga kesejahteraan masyarakat tani di kawasan seliaan KADA sekali gus memperkembang dan memajukan sektor penanaman padi negara secara keseluruhannya," katanya ketika ditemui Sinar Harian di Pejabat KADA di Lundang, di sini pada Rabu.



NIK ROSLAN

Beliau dan seluruh warga KADA juga berpegang teguh pada misi dan visi penubuhan KADA dalam membantu golongan sasar di negeri ini.

"KADA ditubuhkan bertujuan merancang dan mengusahakan kawasan KADA dengan pelbagai kemajuan pertanian dalam usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi

petani serta peningkatan pengeluaran makanan negara terutama di dalam pengeluaran padi dan beras bagi menampung keperluan beras negara.

"KADA turut menjadi pengeluar bahan makanan lain selain padi bagi memenuhi permintaan dan menampung keperluan makanan negara di samping membangunkan industri tempatan menerusi pelbagai bidang di keseluruhan rantai perikanan seperti agro pelancongan, akuakultur, pemprosesan, aktiviti perdagangan serta industri hiliran," katanya,

4.Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Kamarudin Md Nor (tengah) ditemani Nik Roslan Idris (kanan) melawat ke kawasan sawah padi di kawasan seliaan KADA.



Menurutnya, sebagai sebuah agensi kerajaan, KADA turut berfungsi untuk membangunkan dan memperteguhkan institusi peladang bagi menaungi keluarga tani selain berusaha meningkatkan pendapatan perkapita.

“Sebagai agensi peneraju dalam bidang agro makanan, KADA terus berusaha melahirkan golongan sasar yang berpendapatan tinggi dengan terus menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti, efisien,

berteknologi dan berintergriti serta meneroka pasaran dalam dan luar negara dalam membantu meningkatkan pendapatan petani di kawasan seliaan KADA.

“Usaha yang mapan menjadikan KADA sebagai badan utama dalam pengeluaran agro makanan di samping dapat meningkatkan keupayaan petani dan usahawan tani agar lebih berdaya saing dan inovatif,” katanya.

Berkongsi cabaran masa kini yang dihadapi KADA, katanya, adalah masalah bekalan air yang berlaku disebabkan Kelantan tidak mempunyai empangan berbanding kawasan penanaman padi yang lain.

“Kawasan KADA hanya mengharapkan sumber air semulajadi iaitu Sungai Kelantan manakala tiba musim kemarau akan memberikan kesan yang teruk kepada petani.

“Masalah lain ialah kehilangan kawasan tanaman disebabkan beberapa faktor seperti penukaran status kawasan tanah pertanian kepada komersial dan pembinaan kediaman.

“Walau bagaimanapun, KADA tetap berusaha membantu golongan sasar sebaik mungkin dengan melakukan pelbagai inisiatif seperti pengagihan pam mudah alih dan pembinaan telaga tiub kepada lebih 7,700 petani di kawasan seliaan KADA dengan jumlah kawasan tanaman padi berjumlah 26,833 hektar berbanding 10,000 hektar pada awal penubuhan KADA,” katanya.



Rumah Pam Kemubu Utama yang membekalkan air ke Rancangan Pengairan Kemubu (RPK) di bawah kuasa pengendalian KADA.

Beliau berkata, selari hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara, pelbagai program dan pendekatan baharu akan dirangka bagi meningkatkan pengeluaran serta memastikan bekalan padi

mencukupi dan menepati piawaian.

“KADA akan terus membangunkan dan memberi tumpuan penuh kepada sektor penanaman padi di samping mengalu-alukan usaha transformasi dalam sektor ini bagi memastikan pembangunan sektor tanaman padi yang berterusan selaras dengan hasrat untuk menjayakan agenda Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara.

"KADA seterusnya memberikan bimbingan kepada hampir 2,000 usahawan dalam pelbagai bidang industri asas makanan dan komited dalam memastikan segala aspek keperluan petani dan usahawan bimbingan KADA dipenuhi," katanya.



Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (kanan) berucap ketika perasmian penubuhan KADA pada 2 Mac 1973.

- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ditubuhkan pada 30 Mac 1972 melalui Akta 69 Akta Lembaga Pertanian Kemubu 1972 dengan dirasmikan oleh Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pada 2 Mac 1973.

- Setelah KADA diwujudkan, Kerajaan Negeri Kelantan pula menyusuli tindakan dengan meluluskan Enakmen Pihak Berkuasa Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Enakmen nombor 2 Tahun 1972 Kelantan) yang membolehkan Menteri Pertanian dan Perikanan melaksanakan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 mulai 1 Ogos 1972.
- Nama Kampung Kemubu terletak di tebing Sungai Kelantan iaitu 30 kilometer dari Kota Bharu diabadikan dalam lipatan sejarah KADA.
- Di sitolah terbina sebuah rumah pam membekalkan air ke Rancangan Pengairan Kemubu (RPK) iaitu rancangan terbesar dalam gugusan rancangan-rancangan pengairan lain yang dipersatukan di bawah kuasa pengendalian KADA.



## Tak mahu tagih simpati walaupun serba kekurangan

18 tahun dan pelah OKU berusia antara 19 hingga 45 tahun.

Berikutnya itu, rumah amal terbabit menjadi antara pilihan Harian Metro yang terus komited dalam menabur rasa menerusi aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui Program Tipuan Kasih Harian Metro (TKHM).

Malah, dengan kerjasama Agrobank, TKHM menyediakan projek pembangunan Sistem Tanaman Hidroponik di rumah kebajikan terbabit yang juga antara pertama seumpama itu membajikan Masyarakat (JKM). Menariknya, di sini, kita mengumpul insan istimewa seperti ini tanpa mengira bangsa dan agama sama ada kaum, penubuhan rumah amal lebih banyak bergerak sendiri dalam mencari dana selain menerima bantuan 30 peratus daripada Jabatan Kependidikan berusia tujuh hingga empat tahun, pelajar pen-

dengan pendapatan hasil sumbangsan orang ramai walaupun tahu diri serba kekurangan dan tidak normal seperti insan lain. Itu prinsip teguh dipegang dan diterapkan kepada penghuni Rumah Amal Kulim yang menempatkan 73 golongan Orang Kurang Upaya (OKU) terdiri daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taka) berusia sejak bayi hingga empat tahun, pelajar pen-

dan sumbangan tidak seberapa ini, saya percaya jika dibuat secara berterusan ia berjaya dan memberi manfaat kepada penghuni dan masyarakat," katanya.

Dalam pada itu, Pengrang Kumpulan Harian Metro, Husain Jabit berkata, kerjasama antara Harian Metro bersama Agrobank diharapkan dapat memberi manfaat besar kepada Rumah Amal Kulim dalam bidang pertanian sahada hasilnya kelak untuk kegunaan sendiri mahupun dijual kepada orang ramai bagi menjana pendapatan.

"Saya sarankan lebih banyak syarikat korporat lain tampil bekerjasama dengan kami khususnya TKHM demi meringankan beban rumah amal atau rumah kebajikan di seluruh negara," katanya.



HUSAIN (kanan) bersama Pengarang Eksekutif Harian Metro, Muhammad Safar Ahmad (kiri), Mohd Shahrom (kanan) dan Zarina selepas merasmikan Sistem Tanaman Hidroponik pada Program TKHM Bersama Agrobank di Rumah Amal Kulim.

Sementara itu, Pengurus Agro Bank Butterworth, Mohd Shahrom Mohd Razak berkata, kolaborasi Agro Bank dengan Harian Metro adalah kali kelima dengan harapan apa disumbangkan itu menjana pendapatan.

"Menerusi kemudahan

untuk anak Taska kita sentiasa dengar ia ada di mana-mana, tapi di Kedah kita diberikan kepercayaan untuk turuhkan Tasta bagi anak OKU," katanya pada Program TKHM Agrobank ke Utara di Rumah Amal Kulim, semalam.

"Bagi aktiviti dijalankan, Ke-

31 MAR, 2022

## PJKM Parlimen Mukah Siri Ke-3 di parkir pasar raya Gafu hari ini, esok

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### PJKM Parlimen Mukah Siri Ke-3 di parkir pasar raya Gafu hari ini, esok

**MUKAH:** Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Parlimen Mukah Siri Ke-3 diadakan di tempat parkir pasar raya Gafu pada hari ini dan esok.

Program dua hari tersebut dilaksanakan selama empat jam iaitu bermula jam 10 pagi hingga 2 petang.

Antara pihak yang terlibat menjayakan PJKM Parlimen Mukah kali ini adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah dengan kerjasama Pejabat Daerah Mukah, Majlis Daerah Dalat Mukah (MDDM), Jabatan Penerangan Malaysia Mukah (JAPEN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (L.KIM) serta ranjangan strategik pasar raya Gafu.

Seperti dua siri terdahulu sebelum ini, sambutan daripada kalangan pengguna sememangnya tidak pernah menghamparkan.

Maklum balas daripada pengunjung menyambut baik dan meminta PJKM ini terus dilaksanakan secara berkala.

Pengguna turut mengakui harga barang-barang yang



**HARGA BERPATUTAN:** Mohamad Rizal (kiri) dan Rosli (kanan) membelek antara barang yang dijual pada PJKM.

dijual berpatutan dan dapat meringankan bebanan kosara hidup mereka dalam situasi harga barang semasa yang dilaporkan telah meningkat.

PJKM diadakan agar semua penduduk di kawasan Parlimen terlibat boleh mendapatkan barang-barang yang ditawarkan pada harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat.

PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barang keperluan harian dengan harga lebih murah seperti yam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras

dan barang keperluan rumah terpilih lain.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak merangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hamidah Hajar Taib dalam satu kenyataan menggalakkan orang ramai di kawasan Parlimennya untuk tidak melepaskan peluang ini.

"Kita harus merancang pembelian keperluan rumah dan seterusnya berjimat menerusi tawaran yang diberikan," katanya.

Beliau turut mengingatkan kepada semua peniaga agar sentiasa beretika dengan

mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Kerajaan katanya, menyeru agar rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar luar biasa ini yang turut melanda dunia dan memberi kesan kepada rantauan bekalan global dan negara.

Tambah beliau lagi, semua pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut dan aduan, orang ramai boleh menyalurkannya ke talian WhatsApp 019-2794317, aplikasi ez-Adu atau melalui e-mel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my.

Turut hadir pada majlis pelancaran PJKM Siri Ke-3 Parlimen Mukah ialah Pegawai Khua Pusat Khidmat P213 Mukah Rosli Sopok mewakili Ullanjah dan Timbalan Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah Mohamad Rizal Sehe.

Siri pertama PJKM Parlimen Mukah diadakan di tempat sama manakala siri kedua dilaksanakan di pasar raya Nam Leong Dalat.

31 MAR, 2022

## PJKM Parlimen Mukah Siri Ke-3 di parkir pasar raya Gafu hari ini, esok



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Parlimen Mukah Siri Ke-3 diadakan di tempat parkir pasar raya Gafu pada hari ini dan esok. Program dua hari tersebut dilaksanakan selama empat jam iaitu bermula jam 10 pagi hingga 2 petang.

31 MAR, 2022

## Malaysia Family Sales Programme extended until June

The Malaysian Reserve, Malaysia

Page 1 of 2

## Malaysia Family Sales Programme extended until June

by NURUL SUHAIDI

THE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) has announced the extension of the Malaysia Family Sale Programme (PJKM) until June this year.

However, the format will be tailored according to location, population and the capabilities of strategic partners in a location.

According to KPDNHEP Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (picture), the programme has

now covered 100% of parliamentary constituencies throughout Malaysia.

As of March 25, 2022, PJKM has been implemented in all 222 parliamentary constituencies at 1,274 locations covering the Peninsula, Sabah, Sarawak and Labuan.

Some 2.02 million visitors flooded the campaign and were supported by 202 strategic partners including government agencies and retail sector industry players with sales hitting RM381 million.

Among the strategic partners

who have supported and joined PJKM included agencies from the Agriculture and Industry Food Ministry such as Federal Agricultural Marketing Authority and the Malaysian Fisheries Development Authority; Finance Ministry, hypermarkets and local supermarkets.

KPDNHEP encouraged the public to seize the opportunity and purchase daily necessities offered at reasonable prices during the programme.

In addition, the ministry also reminded all the traders to abide

by the rules and regulations set by the government.

"During these difficult times, I urge everyone to be patient as the world crisis has had an impact on global and national supply chains," Nanta Linggi said.

He added that a total of 2,200 enforcement officers and 1,000 KPDNHEP price monitor officers will continue nationwide inspections to ensure supply remains stable and there is no element of profiteering of goods in the market.



31 MAR, 2022

## Malaysia Family Sales Programme extended until June

The Malaysian Reserve, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

THE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) has announced the extension of the Malaysia Family Sale Programme (PJKM) until June this year. However, the format will be tailored according to location, population and the capabilities of strategic partners in a location. According to KPDNHEP Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (picture), the programme has

now covered 100% of parliamentary constituencies throughout Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Program Jualan Keluarga Malaysia dilanjutkan sehingga Jun



Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi. - Foto NSTP

PUTRAJAYA: Kerajaan akan melanjutkan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) sehingga Jun ini bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan keperluan harian pada harga lebih murah daripada pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata bagaimanapun format program itu akan disesuaikan mengikut lokasi, bilangan penduduk dan keberadaan serta keupayaan rakan strategik di sesebuah lokasi.

Katanya, program itu turut mendapat sokongan rakan strategik, termasuk agensi daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Kewangan dan pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya hiper dan pasar raya setempat.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mendapatkan kelulusan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk meneruskan penganjuran PJKM sehingga Jun tahun ini.

"Kita menggalakkan rakyat di kawasan Parlimen yang terbabit untuk merebut peluang berjimat ketika membuat pembelian barang keperluan rumah yang ditawarkan seperti ayam, makanan laut, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan keperluan rumah," katanya dalam kenyataan media hari ini.

PJKM yang dilancarkan secara rasmi oleh Ismail Sabri pada 2 Disember lalu antara usaha kerajaan menawarkan barang keperluan pada harga sehingga 20 peratus lebih murah, berbanding harga pasaran, sekali gus dapat membantu meringankan bebanan kos sara hidup dalam situasi mencabar ketika ini.

Nanta Linggi berkata, PJKM yang dijalankan di seluruh negara mencatatkan jumlah jualan melebihi RM38 juta dengan kehadiran 2.1 juta pengunjung sehingga Jumaat lalu.

"Pelaksanaan 222 program ini membabitkan lebih 1,274 lokasi di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan, termasuk kawasan Parlimen kerajaan dan pembangkang.

"Seramai 2.1 juta pengunjung mengunjungi program yang disokong oleh 202 rakan strategik terdiri agensi kerajaan dan pemain industri sektor peruncitan dengan rekod jualan mencecah RM38.099 juta," katanya.

Sementara itu, Nanta Linggi berkata, kementerian itu akan menggerakkan seramai 2,200 pegawai penguat kuasa dan 1,000 pegawai pemantau harga bagi melaksanakan pemantauan dan

pemeriksaan di seluruh negara bagi memastikan bekalan sentiasa stabil

dan tiada elemen pencatutan di pasaran.

"Orang ramai boleh menyalurkan sebarang pertanyaan dan aduan ke aplikasi WhatsApp di talian 019-279 4317, aplikasi ez-Adu atau email ke [eaduan@kpdnhep.gov.my](mailto:eaduan@kpdnhep.gov.my)," katanya.

# Taman Agro Sungai Baji potensi jadi hub makanan

**SARIKEI:** Sarawak akan muncul sebagai pengeluar makanan menjelang tahun 2030 bagi meningkatkan ekonomi dan pendapatan petani melalui pertanian moden.

Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Dato' Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, Taman Agro Sungai Baji Sarikei berpotensi menjadi hub utama pengeluaran makanan utama di Sarawak.

Katanya, Projek Taman

Agro melibatkan kawasan seluas 127 hektar mampu membantu golongan petani dengan penggunaan teknologi moden.

"Pertanian moden yang diperkenalkan di lokasi tersebut dapat menarik golongan muda menceburi bidang pertanian, sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

"Antara kemudahan yang disediakan iaitu rumah hijau, incubator, terminal pemasaran pertanian, pusat latihan pertanian, bekalan

air, elektrik, dan telekomunikasi," katanya pada lawatan kerja ke tapak projek tersebut di-sini pada Isnin.

Menurutnya juga Taman Agro tersebut berpotensi dijadikan sebagai pusat latihan pertanian moden dan lokasi tumpuan agro pelancongan.

Turut hadir pada lawatan tersebut Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh, Timbalan Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah (Pembangunan Wilayah) Maclaine Ben @ Martin Ben, Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak Datu Edwin Abit, Residen Bahagian Sarikei Felicia Tan Ya Hua dan Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak, Dominic Chunggat.

-Edisi UKAS



Dr Stephen Rundi Utom melawat Taman Agro Sungai Baji Sarikei.

# Program Jualan Keluarga Malaysia dilanjutkan sehingga Jun

**PUTRAJAYA** - Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang berakhir pada Khamis ini dilanjutkan sehingga Jun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia susulan maklum balas diterima orang ramai yang meminta ia diteruskan secara berkala.

“Oleh itu KPDNHEP telah mendapat kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk meneruskan PJKM sehingga Jun,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, format PJKM akan disesuaikan mengikut lokasi, bilangan penduduk dan keberadaan serta keupayaan rakan strategik di sesebuah lokasi.

“Rakan-rakan strategik yang telah menyokong dan menyertai PJKM termasuklah agensi-agensi dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Kewangan (MoF) dan pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya besar dan pasar raya setempat,” jelasnya.

Beliau berkata, sejak PJKM dilancarkan pada 2 Disember tahun lalu, ia merekod jualan sebanyak RM38.099 juta.

“Program ini juga telah dilaksanakan di 100 peratus kawasan Parlimen di seluruh Malaysia meliputi 1,274 lokasi di seluruh negara,” ujarnya.

Alexander berkata, inisiatif itu menerima sambutan sangat menggalakkan dengan menawarkan harga barang murah sehingga 20 peratus daripada pasaran setempat.



ALEXANDER